

'Jangan cetus api perselisihan'

UTUSAN MALAYSIA

31/07/2019

MAS 02

“

Beta berharap usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan turut diberikan keutamaan. Kitaran warisan kemiskinan wajar ditangani segera kerana ia bakal menjejaskan agenda pembentukan negara maju.”



YANG di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menitahkan semua pihak agar jangan sekali-kali mencestuskan api perselisihan dengan membangkitkan perkara yang boleh menggugat dan meruntuhkan keharmonian negara.

Seri Paduka menegaskan bahawa perpaduan dan keharmonian rakyat adalah tiang seri dan kekuatan negara.

“Bermain dengan api bukan hanya membakar diri sendiri, malahan turut membakar seluruh kampung halaman,” titah Al-Sultan Abdullah pada Istiadat Pertabalan Seri Paduka sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-16, di Istana Negara di sini, hari ini.

Menegaskan bahawa institusi Yang di-Pertuan Agong amat penting dalam sistem kenegaraan Malaysia, yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen raja berperlembagaan, Al-Sultan Abdullah bertitah, institusi itu bukanlah sekadar simbol atau pun lambang semata-mata,

“Ia adalah asas perpaduan, penyatuan bangsa dan pencetus semangat patriotisme kebangsaan. Ia adalah merupakan satu

roh yang jika diwarisi dan dihayati oleh setiap anak watan, boleh menerbitkan rasa cinta dan kesetiaan kepada negara,” titah Seri Paduka.

Menyadari hakikat itu, Seri Paduka berikrar akan berusaha dengan sedaya mungkin untuk mewujudkan perpaduan dan sikap toleransi di antara semua kaum, bangsa dan agama.

“Beta akan mengutamakan rakyat, menghormati yang tua dan memuliakan yang muda. Semua ini akan beta zahirkan dengan penuh rasa tawaduk. Sesungguhnya ‘ular yang menyusur akar tidak sekali-kali akan hilang bisa-nya.’” titah Seri Paduka yang menyambut baik usaha kerajaan mengukuhkan perpaduan melalui penubuhan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat.

Menyingkap tarikh keramat 10 Julai 1980 iaitu ketika Almarhum Paduka Ayahanda Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ditabal sebagai Yang di-Pertuan Agong Ketujuh, Sultan Abdullah bertitah telah ditakdirkan Allah SWT bahawa baginda pula ditabalkan hari ini di atas singgahsana dan mahkota yang sama digunakan oleh Almarhum Paduka Ayahanda, 39 tahun lalu.

Sultan Abdullah turut menge-

nang jasa Almarhum Sultan Ahmad Shah yang disifatkan sebagai tegas namun terbuka dalam melontar mutiara pandangan.

“Hubungan baginda dengan rakyat adalah begitu akrab yang jelas melambangkan jiwa baginda yang sentiasa memberi keutamaan kepada rakyat,” titah Seri Paduka, yang turut meminta hadirin memanjatkan doa kepada Allah SWT agar roh Almarhum Paduka Ayahanda ditempatkan bersama para solihin.

Al-Sultan Abdullah turut menarik perhatian bahawa pemerintahan baginda kali ini ‘seperti bagai berjanji’ kerana Tun Dr. Mahathir Mohamad kini merupakan Perdana Menteri Ketujuh yang juga Perdana Menteri Keempat ketika pemerintahan Almarhum Sultan Ahmad Shah.

“Maka benarlah bagai dikata ‘negarawan ulung tidak lapuk di telan zaman dan tidak usang dimamah usia,’” titah Seri Paduka.

Justeru, Al-Sultan Abdullah berharap kerjasama erat dan persefahaman yang pernah terjalin antara Almarhum dan Perdana Menteri dapat diteruskan semasa pemerintahan Seri Paduka demi kesejahteraan negara dan rakyat tercinta.

Al-Sultan Abdullah turut menzahirkan keyakinan baha-

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH diiringi Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah mengucup Keris Panjang Diraja yang juga dikenali sebagai Keris Kerajaan sebagai simbolik tanda kebesaran dan kekuasaan Seri Paduka pada istiadat pertabalan di Istana Negara, semalam. - BERNAMA



wa kerajaan Pakatan Harapan pimpinan Dr. Mahathir, yang berpengalaman luas lagi bestari, akan dapat mengharungi apa juga rintangan mendatang dan seterusnya membawa negara ke mercu kejayaan.

Yang di-Pertuan Agong juga

Anak Hajah Saleha pada istiadat pertabalan itu yang disifatkan baginda sebagai manifestasi keakraban ikatan persaudaraan antara Malaysia dan Brunei.

"Beta berasa amat berbesar hati dengan keberangkatan Yang Mulia Sheikh Mohammed

Pertabalan penuh tradisi MISO 3

KUALA LUMPUR 30 Julai - Istana Negara hari ini menyaksikan satu lagi peristiwa penting dalam lipatan sejarah tanah air apabila Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ditabalkan secara rasmi sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-16 dalam istiadat yang berlangsung dalam suasana penuh tradisi dan adat Raja-Raja Melayu.

Istiadat gilang-gemilang yang mengangkat kedaulatan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Tertinggi Negara itu bermula tepat 10.45 pagi sebaik Al-Sultan Abdullah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berangkat masuk ke Balairung Seri, Istana Negara bagi memulakan istiadat.

Alunan tiupan nafiri daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan paluan nobat daripada Kumpulan Nobat Diraja Terengganu yang memainkan lagu *Raja Berangkat* bergema mengiringi keberangkatan masuk pasangan diraja itu didahului Datuk Paduka Maharaja Lela Azuan Effendy Zairakithnaini yang diapit panglima-panglima yang membawa Cogan Alam dan Cogan Agama selain panglima-panglima lain yang membawa alat-alat kebesaran Diraja.

Cogan Alam dan Cogan Agama, kedua-duanya tongkat perak adalah sebahagian daripada alat kebesaran Diraja yang begitu signifikan dalam istiadat pertabalan dan menjadi lambang kebesaran institusi Yang di-Pertuan Agong dan kerajaan Malaysia.

Ketibaan Al-Sultan Abdullah yang lengkap berpakaian rasmi Yang di-Pertuan Agong dikenali sebagai muskat dan Tunku Azizah yang anggun dalam per-

salinan tenun Pahang berwarna putih gading menarik perhatian seluruh jempunan yang mengiringi langkah kedua-dua pasangan diraja itu untuk bersemayam di singgahsana.

Selain Raja-Raja Melayu dan Permaisuri masing-masing, dua tetamu diraja dari luar iaitu Putera Mahkota Abu Dhabi merangkap Timbalan Komander Tertinggi Angkatan Tentera Emiriah Arab Bersatu, Sheikh Mohamed Zayed Al-Nahyan dan Sultan Brunei, Sultan Hassan Bolkiah dan isteri, Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha turut berangkat ke istiadat pertabalan itu.

Ia turut dihadiri wakil Raja-raja Melayu, Yang Dipertua-Yang Dipertua Negeri, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan menteri-menteri Kabinet, selain tetamu-tetamu kehormat yang terdiri daripada ketua-ketua Diplomat Asing dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Setelah Seri Paduka berdua bersemayam di atas Singgahsana, Datuk Paduka Maharaja Lela kemudiannya memohon perkenan Seri Paduka untuk menzahirkan istiadat pertabalan dengan membawa masuk naskhah al-Quran serta baki alat-alat kebesaran Istiadat Pertabalan ke Balairung Seri termasuk Keris Kerajaan, Surat Pengisytiharan dan Warkah Ikrar yang diiringi paluan nobat lagu *Menjunjung Duli*.

Nashkah al-Quran, yang merupakan lambang kemuliaan Islam sebagai agama rasmi negara, kemudiannya disembahkan oleh Datuk Paduka Maharaja Lela kepada Seri Paduka yang menyambut lalu mencium naskhah suci itu sebelum meletakkannya di atas rehal di meja sebelah kiri Seri Paduka.

Datuk Paduka Maharaja Lela kemudiannya menyampaikan Surat Pengisytiharan pertabalan kepada Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad yang tampi ke hadapan Singgahsana, mengangkat sembah dan membacakan perisytiharan berkenaan.

Sejurus itu, Datuk Paduka Maharaja Lela dengan penuh tertib mempersembahkan pula Keris Kerajaan yang merupakan alat kebesaran utama negara kepada Yang di-Pertuan Agong.

Seri Paduka yang menerima keris berkenaan menghunus dan mengucupnya sebagai simbolik kebesaran dan kekuasaan kepada Seri Paduka, sebelum menyarungkan semula keris itu dan meletakkannya di atas meja di sebelah kiri baginda.

Ini disusuli dengan bacaan lafaz ikrar oleh Seri Paduka sebagai Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan pemerintahan seadil-adilnya bagi Malaysia, mengikut undang-undang dan Perlembagaan Negara serta memelihara dengan sempurna agama Islam dan berdiri teguh di atas pemerintahan yang adil dan aman.

Sempurna sahaja ikrar dilafazkan, nobat dipalu memainkan lagu *Raja Bertabal*, diikuti laungan 'Daulat Tuanku' sebanyak tiga kali oleh Datuk Paduka Maharaja Lela yang disusuli para hadirin di dalam Balairung Seri, Istana Negara.

Sejurus selepas itu, lagu *Negaraku* dimainkan sekali lagi dan serentak itu tembakan meriam sebanyak 21 das dilepaskan. Perdana Menteri kemudiannya sekali lagi menghadap Seri Paduka untuk mempersembahkan Ucapan Tahniah dan Taat Setia atas pertabalan Seri Paduka sebagai mewakili kerajaan dan rakyat. - BERNAMA

bertitah mengalu-alukan usaha yang dilaksanakan kerajaan dalam menyusun semula rancangan pembangunan dan mengukuh fiskal negara, selain usaha meningkatkan tadbir urus dan integriti, memerangi rasuah serta mempertahankan keluhuran undang-undang.

“Beta ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan beta yang berpandangan jauh dalam merencana gagasan ekonomi baru yang dinamakan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

“Beta berharap usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan turut diberikan keutamaan. Kitaran warisan kemiskinan wajar ditangani segera kerana ia bakal menjejaskan agenda pembentukan negara maju,” titah Seri Paduka.

Pada Istiadat Pertabalan yang dihadiri raja-raja Melayu dan tetamu diraja luar negara, Sultan Abdullah menzahirkan ucapan menjunjung kasih di atas keberangkatan Sultan Brunei Darussalam, Sultan Hassanal Bolkiah dan Raja Isteri Pengiran

bin Zayed Al-Nahyan. Sheikh Mohammed dan beta telah sekian lama menjalin persahabatan sejak kami berdua menjalani latihan di Sandhurst dan kemudian di Oxford. Beta berdua berkongsi kenangan indah bersama-sama sebagai sahabat serta saudara.

“Beta juga ingin mengambil peluang ini turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua tetamu yang datang dari seluruh dunia untuk menghadiri istiadat gilang-gemilang ini. Kehadiran semua tetamu ini tidak syak lagi menjadikan istiadat ini malah lebih istimewa lagi,” titah Seri Paduka.

Yang di-Pertuan Agong turut menzahirkan rasa terharu dan berbesar hati atas ikrar taat setia dan tanda kasih kepada baginda yang telah dilafazkan Perdana Menteri yang mewakili pihak kerajaan, anggota perkhidmatan awam, anggota keselamatan dan seluruh rakyat semasa istiadat pertabalan hari ini. - BERNAMA



AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL- MUSTAFA BILLAH SHAH dan Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berangkat pada Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong Ke-16 di Istana Negara, semalam. Turut kelihatan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail. - BERNAMA



SULTAN Perak, Sultan Nazrin Shah (kanan) dan Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim bersama Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah (tengah) serta Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail (dua dari kiri) dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil. - BERNAMA

Komited tingkat kesejahteraan rakyat

■ KUALA LUMPUR 30 JULAI

KEMAKMURAN bersama rakyat menjadi teras komitmen kerajaan yang diterajui parti Pakatan Harapan dalam merencana program dan dasar bagi merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara maju, bermaruah dan merdeka.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, walaupun baru sahaja memegang tampuk pemerintahan kira-kira setahun, kerajaan telah menunjukkan komitmen yang tinggi dan berhasil dalam banyak perkara mengambil kira kedudukan kewangan negara yang diwarisi sebelumnya.

“Dalam hal ini, patik akan terus memastikan jentera Kerajaan Tuanku tidak berpeluk tubuh dan berpuas hati dengan pencapaian-pencapaian yang telah dicapai setakat ini.

“Usaha-usaha akan terus dilipatganda untuk mengembalikan Malaysia menjadi antara paksi ekonomi penting di Asia,” katanya semasa menyebarkan ucapan tahniah dan taat setia atas pertabalan Al-Sultan Abdullah sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-16 di Istana Ne-

gara hari ini.

Dr. Mahathir yang mewakili seluruh rakyat negara ini, turut menahirkan ucapan tahniah kepada Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah sebagai Raja Permaisuri Agong.

Beliau turut merakamkan junjangan kasih kepada Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V, sepanjang pemerintahan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-15 sehingga 6 Januari lepas.

Dalam ucapannya, Dr. Mahathir memaklumkan bahawa pertumbuhan ekonomi negara masih berterusan dan inisiatif-inisiatif untuk membina semula negara supaya menjadi lebih maju terus giat dilaksanakan.

Katanya, walaupun dunia kini dilanda ketidakpastian ekonomi dan pergolakan geopolitik, namun usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan telah memberi keyakinan kepada rakyat bahawa negara mampu untuk menghadapi cabaran-cabaran tersebut sekali gus meminimalkan kesan buruk yang mungkin hadapi.

Perdana Menteri berkata, pembangunan negara tidak akan bermakna jika terdapat rakyat yang masih hidup dalam ke-

Pembangunan negara tidak akan bermakna jika terdapat rakyat yang masih hidup dalam kesusahan dan terpinggir daripada limpahan pembangunan, justeru, kerajaan akan terus berusaha dengan lebih gigih untuk meningkatkan program-program kesejahteraan hidup rakyat.

DR. MAHATHIR MOHAMAD

susahan dan terpinggir daripada limpahan pembangunan, justeru, kerajaan akan terus berusaha dengan lebih gigih untuk meningkatkan program-program kesejahteraan hidup rakyat.

Ini termasuk usaha untuk mengurangkan beban kenaikan kos sara hidup dengan meningkatkan kuasa beli dan menghapuskan

jurang pendapatan antara kelas, kaum dan wilayah, katanya.

Dalam menayakan usaha itu, kata Perdana Menteri, kerjasama semua pihak amat diperlukan agar kenaikan harga barang dan kos sara hidup dapat ditangani secara holistik.

Sempena ulang tahun pertama pemerintahan kerajaan PH Mei lepas, Dr. Mahathir berkata, kerajaan mengumumkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang bertujuan memastikan seluruh rakyat merasa nikmat ekonomi dan kemakmuran negara secara bersama dan lebih adil dan teragih.

“Kemakmuran Bersama ini dibangunkan untuk mencapai beberapa objektif utama, iaitu untuk memastikan jurang pendapatan dan kekayaan rakyat dapat ditangani,” katanya.

Perdana Menteri berkata, komitmen untuk meningkatkan kecekapan, ketelusan, tadbir urus dan integriti akan menjadi agenda penting berterusan kerajaan dalam memastikan kecekapan jentera pentadbiran yang pernah menjadi antara contoh kepada banyak negara sebelum ini terus berada di tahap tertinggi dalam menghadapi era

globalisasi, cetuskan maklumat serta Revolusi Industri 4.0.

Katanya, langkah-langkah bagi meningkatkan tadbir urus, integriti dan membasmi rasuah termasuk mengambil tindakan ke atas pihak-pihak yang terlibat dalam aktiviti rasuah dan salah guna kuasa akan terus dilaksanakan.

“Kerajaan Tuanku akan memastikan tiada sesiapa mengatasi undang-undang. Pada masa yang sama prinsip ketelusan sebagai mekanisme semak dan imbang kepada kerajaan akan terus dipertingkatkan.

“Semua usaha ini membuktikan kerajaan Tuanku amat serius dalam menangani masalah-masalah yang selama ini telah menjejaskan kesejahteraan rakyat dan meruntuhkan imej negara di persada antarabangsa,” katanya.

Dr. Mahathir menegaskan, perhatian akan sentiasa diberi untuk meningkatkan perpaduan rakyat dan bagi memperkukuhkan usaha tersebut, Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat telah ditubuhkan yang akan bertindak sebagai badan bebas bagi menasihati kerajaan dalam isu-isu berkaitan perpaduan dan kesejahteraan sosial. - BERNAMA

Tengku Puteri Jihan anggun kenakan busana Permaisuri Agong



TENGGU PUTERI JIHAN AZIZAH 'ATHIYATULLAH (kiri) mengenakan busana milik bondanya semasa berangkat menghadiri istiadat pertabalan ayahanda beliau, semalam. - BERNAMA

KUALA LUMPUR 30 Julai - Busana warna putih gading yang disarung Tengku Puteri Jihan Azizah 'Athiyatullah pada Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong Ke-16 di Istana Negara hari ini mencuri tumpuan tetamu, mengingatkan kembali nostalgia semasa pertabalan nendanya 35 tahun dahulu.

Penampilan puteri bongsu kepada Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, yang anggun bergaya mengenakan persalinan itu, turut menjadi tumpuan lensa kamera yang merakam detik bersejarah itu.

Persalinan yang diperbuat daripada satin *Dutch* bersulam renda Perancis itu merupakan persalinan bondanya, Tunku Azizah ketika menyaksikan pertabalan ayahanda baginda, Almarhum Sultan Iskandar sebagai Yang di-Pertuan Agong Kelapan pada November 1984.

Ketika ditemui *Bernama* se-

lepas selesai istiadat pertabalan hari ini, Tengku Puteri Jihan, 17, berkata, beliau berasa bangga dan selesa mengenakan baju kurung milik bonda beliau yang mempunyai nostalgia tersendiri.

"Saya rasa bangga. Menurut bonda, kain (baju kurung) ini dibeli di London. Bonda pakai semasa berumur 23 tahun. Perlu besarkan sedikit sahaja di bahagian pinggang," katanya.

Pereka fesyen terkenal Datuk Rizalman Ibrahim yang berpengalaman selama 15 tahun sebagai tukang jahit busana Tunku Azizah dan anak-anak-anakanda baginda, diberi tanggungjawab mengubah saiz baju kurung Tunku Azizah itu untuk disesuaikan dengan saiz pinggang Tengku Puteri Jihan.

Istiadat yang berlangsung dengan gilang-gemilang penuh tradisi raja-raja Melayu itu secara rasmi menandakan pemerintahan Al-Sultan Abdullah sebagai Ketua Utama Negara untuk tempoh lima tahun. - BERNAMA

"MENJUNJUNG titah Seri Paduka, kita semua (menteri dan rakyat) harus bersama menjaga perpaduan negara agar negara terus aman dan makmur."



GOBIND SINGH DEO
Menteri Komunikasi dan Multimedia



"TITAH Seri Paduka hari ini amat bermakna dan kita harus pastikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 itu dapat dicapai untuk masa depan rakyat sekarang dan akan datang."

LIM GUAN ENG
Menteri Kewangan

"KERAJAAN di bawah pimpinan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mendanai..."



mendapat dukungan kuat dari rakyat Malaysia, berikrar dan bertekad untuk mempertahankan institusi raja-raja dalam negara ini."

DATUK SERI MOHAMED AZMIN ALI
Menteri Hal Ehwal Ekonomi

"INI nasihat penting oleh Seri Paduka, kerana kita tidak mahu apa yang berlaku di negara bergolak, berlaku di negara kita,

jika ada perbezaan pendapat kita uruskan dengan baik,"

MOHAMAD SABU
Menteri Pertahanan

"KEMAKMURAN negara amat penting bagi memastikan perpaduan rakyat dan diharap ia akan berterusan di bawah pemerintahan Al-Sultan Abdullah,"

DATUK LIEW VUI KEONG
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

UPACARA membawa masuk al-Quranul Karim dan alat-alat kebesaran istiadat pertabalan ke Balaiung Seri sambil disaksikan dif-dif kehormat dan para tetamu jemputan di Istana Negara, semalam. - BERNAMA



ANGGOTA Angkatan Tentera Darat dari Unit 41 Bateri Rejimen Artileri Diraja (Istiadat) melakukan tembakan meriam kehormat sebanyak 21 das. - BERNAMA

UTUSAN MALAYSIA
31/07/2014
M/S 06



TETAMU DIRAJA

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH bersama Putera Abu Dhabi, Sheikh Mohamed Zayed Al-Nahyan (kiri) dan Sultan Brunei Darussalam, Sultan Hassanal Bolkiah. - BERNAMA

MESRA

YANG di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah memimpin tangan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah ketika berangkat keluar dari Balairung Seri, Istana Negara selepas istiadat pertabalan Seri Paduka, semalam. - BERNAMA



RAJA-RAJA MELAYU

ANTARA raja-raja Melayu yang berangkat hadir (dari kiri) Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin dan Sultanah Nur Zahirah; Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Tengku Permaisuri Norashikin serta Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah dan Sultanah Maliha Almarhum Tengku Ariff. Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff; Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Dr. Juhar Mahiruddin dan isteri, Toh Puan Norlidah RM Jasni; Tengku Mahkota Kelantan, Dr. Tengku Muhammad Faiz Petra dan isteri, Cik Puan Sofie Louise Johansson serta Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Iskandar di Istana Negara, semalam.



JADI TUMPUAN

TENGGU Mahkota Kelantan, Dr. Tengku Muhammad Faiz Petra Sultan Ismail Petra dan isteri, Cik Puan Sofie Louise Johansson antara pasangan diraja yang menjadi tumpuan lensa kamera media yang membuat liputan istiadat pertabalan, semalam. - BERNAMA

TETAMU ASING

ANTARA tetamu asing yang hadir di Istana Negara, semalam. - BERNAMA

